



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,  
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706 Fax : 09-6229887  
3100 – 3115



PTG.TR. G/05/1988/06/03 - ( 1 )

15 Safar 1422.  
09 Mei 2001.

Pentadbir Tanah  
KUALA TERENGGANU.

Pentadbir Tanah  
KEMAMAN.

Pentadbir Tanah  
DUNGUN.

Pentadbir Tanah  
BESUT.

Pentadbir Tanah  
HULU TERENGGANU.

Pentadbir Tanah  
MARANG.

Pentadbir Tanah  
SETIU.

Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 1/2001**

**Penyeragaman Catatan Endosan Tegahan Pendaftar  
ke Atas Hakmilik Baru Pemberimilikan Tanah  
Kerajaan Kepada Kakitangan Kerajaan**

1. TUJUAN:

Arahan ini dikeluarkan bertujuan menyeragamkan bentuk ayat catatan endosan Tegahan Pendaftar ke atas hakmilik tanah yang diberimilik secara kekal kepada kakitangan kerajaan.

## 2. LATARBELAKANG:

- 2.1. Kebiasaannya, Pihak Berkuasa Negeri meluluskan tanah-tanah Kerajaan yang dipohon secara Lesen Menduduki Sementara (LMS) terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan kelulusan secara kekal.
- 2.2. Pemberimilikan tanah Kerajaan secara kekal adalah atas pengesyoran Pentadbir Tanah selepas dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemilih Tanah Daerah terlebih dahulu.
- 2.3. Walau bagaimanapun terdapat permohonan tanah bagi tujuan tapak rumah kediaman diluluskan terus secara kekal bagi tujuan membuat gadaian untuk mendapat pembiayaan pinjaman perumahan oleh kakitangan kerajaan.
- 2.4. Pihak Berkuasa Negeri mengenakan bentuk kawalan ke atas tanah-tanah Kerajaan yang diberimilik terus secara kekal ini kepada kakitangan kerajaan yang berhasrat mendapat pembiayaan kewangan di atas pinjaman perumahan sama ada daripada Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan ataupun Institusi Kewangan.
- 2.5. Kawalan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri ialah:-
  - (i) Pentadbir Tanah dikehendaki memasukkan Tegahan Pendaftar di atas keterangan didaftar dan hanya boleh dilepaskan oleh Pentadbir Tanah untuk maksud gadaian bagi mendapat pembiayaan pinjaman perumahan kerajaan untuk membina/menyiapkan rumah.
  - (ii) Syarat kemasukan Tegahan Pendaftar seperti di para (i) adalah bagi memastikan pemohon dapat kemudahan mendapat pinjaman bagi membolehkan rumah disiapkan.
- 2.6. Syarat kawalan di para 2.5. di atas tidak boleh dimasukkan dalam hakmilik dan hendaklah dijadikan sebagai **Syarat Tambahan** dan dilaksanakan secara pentadbiran sahaja. Bagaimanapun, ianya boleh dikawal dengan memasukkan Tegahan Pendaftar di dalam hakmilik berkenaan.

## 3. BENTUK AYAT ENDOSAN:

- 3.1. Bagi menyeragamkan ruangan kemasukan dan bentuk ayat endosan dipersetujui ianya dimasukkan di bawah "REKOD URUSAN" dan bentuk ayat endosan seperti berikut:-

No. Pers 972/2000 Kaveat Pendaftar atas Tanah didaftarkan pada 5 November 2000 jam 11:54:54 pagi  
(No. Rujukan Fail PTK.TR. 17/19/1995/82)

\* ruang kosong diisi oleh pengguna.

4. **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA:**

Arahan ini hendaklah diterimapakai dan berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**" MEMBANGUN MENURUT ISLAM "**

Saya yang menurut perintah,



**( DATO' HAJI IBRAHIM BIN A. RAHMAN )**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Terengganu.

**s.k.**

Yang Berhormat  
Setiausaha Kerajaan  
**TERENGGANU.**

Semua Timbalan Pengarah Tanah dan Galian  
**TERENGGANU.**

Semua Penolong Pengarah Tanah dan Galian  
**TERENGGANU.**

Pegawai Sistem Maklumat.

Pengurus Teknikal Sistem Tanah (SPTB).

**FAIL TIMBUL.**